

27 NOV 1999

Pilihan raya

RAKYAT MALAYSIA MENGUNDI ISNIN INI UNTUK MEMILIH KERAJAAN

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Rakyat Malaysia akan mengundi Isnin ini, dan Barisan Nasional (BN) yakin untuk mengekalkan majoriti dua pertiga dalam pilihan raya ke-10 ini.

Gabungan empat parti pembangkang, sebaliknya yakin dapat memecahkan rekod BN yang bermula dari tahun 1974 lagi, sekurang-kurangnya itulah harapan DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan PRM.

Bagaimanapun bagi PAS yang menyetujui langkah yang diambil rakan-rakan dalam Barisan Alternatif untuk menafikan majoriti dua pertiga BN, ia yakin pembangkang akan mendapat kerusi yang cukup untuk membentuk kerajaan baru.

BN dan sebelum itu Perikatan, telah memenangi kesemua sembilan pilihan raya sejak mencapai kemerdekaan daripada Britain dalam tahun 1957, dan dalam setiap enam pilihan raya umum sejak 1974, BN telah memperolehi lebih dua pertiga majoriti.

Perikatan gagal hanya sekali, dalam tahun 1969, untuk mendapatkan majoriti dua pertiga, dan ini mengakibatkan pergaduhan kaum pada 13 Mei pada tahun yang sama.

Penganalisis politik menjangkakan BN akan memenangi pilihan raya ke-10 ini, yang dikatakan paling getir bagi BN.

Bagaimanapun, mereka tidak pasti jika BN berupaya mengekalkan majoriti dua pertiga kali ini.

Sebanyak 192 kerusi Parlimen 393 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) akan dipertandingkan dalam pilihan raya. Bagaimanapun, BN memenangi satu kerusi Parlimen dan satu kerusi DUN pada hari penamaan calon 20 Nov lepas.

Dalam pilihan raya 1995, 14 parti pelbagai kaum yang menjadi komponen BN menang dengan majoriti empat perlima.

Dapatkah BN mengulangi prestasi tahun 1995 itu, iaitu rekod terbaik setakat ini.

"Adalah sukar untuk memberikan jawapan," kata pensyarah kanan bidang politik Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr P.Ramasamy.

Bagaimanapun, beliau berkata tidak menjadi masalah bagi BN menang dengan majoriti dalam pilihan raya kali ini.

Dr Ramasamy berkata walaupun majoriti dua pertiga mungkin sukar bagi BN, tetapi pembangkang juga berhadapan dengan banyak rintangan.

Beliau berkata pembangkang mungkin mendapat lebih banyak kerusi kali ini, tetapi tidak mencukupi untuk menafikan kemenangan BN.

Beliau berkata yang beliau tidak tahu bagaimana perpecahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu berikutan faktor Datuk Seri Anwar Ibrahim diterjemahkan dalam bentuk undi.

Anwar, calon perdana menteri pembangkang, jika mereka memenangi pilihan raya pada 29 Nov ini, dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 2 Sept 1998 dan dilucutkan keanggotaan daripada Umno sehari selepas itu. Beliau pada masa ini menjalani hukuman penjara enam tahun berikutan kesalahan rasuah.

Sementara cerdik pandai tidak pasti sama ada BN akan mengekalkan majoriti dua pertiga, Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad optimis BN akan mencapai kemenangan.

"Kita akan memperolehi lebih dari dua pertiga majoriti kerana kali ini kita mempunyai pengundi yang sebelum ini tidak komited ... majoriti senyap, sekarang mereka berminat," kata Dr Mahathir di Kuala Terengganu semalam.

Dr Mahathir berkata sementara bukan Melayu bimbang dengan cadangan PAS untuk mewujudkan negara Islam, Melayu juga bimbang dengan hasrat DAP untuk

menghapuskan hak istimewa orang Melayu.

Berikutan perpecahan yang kian meluas dalam kem pembangkang berikutan cadangan PAS untuk mewujudkan negara Islam dan melaksanakan undang-undang Hudud, presiden Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail terpaksa masuk campur untuk menenangkan keadaan.

"Terdapat perpaduan. Kita tahu perbezaan kita. Kita mengadakan kerjasama dengan kesedaran adanya perbezaan," kata Azizah isteri Anwar pada satu sidang berita semalam.

Dr Wan Azizah yang akan bertanding bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh, mempertahankan kerusi yang disandang suaminya berkata, beliau tidak akan membuat andaian berkaitan peluangnya untuk memenangi kerusi itu. "Saya fikir ia terlalu awal untuk berkata mengenainya, terutama dengan sikap pihak media yang agak berat sebelah," katanya.

Jika pada pilihan raya 1995, BN terpaksa bergantung kepada ekonomi yang baik untuk mencapai kemenangan, tetapi kali ini BN akan bersandarkan kepada kejayaannya, termasuk memulihkan ekonomi dengan segera dari krisis ekonomi yang melanda negara pada pertengahan 1997.

Pengesahan Bank Negara bahawa Malaysia secara rasmi telah keluar dari kemelesetan ekonomi juga telah memberikan kelebihan kepada BN, yang mempertingkatkan kempen pilihan raya berikutan masa hanya kira-kira 48 jam lagi sebelum hari mengundi, Isnin ini.

Sementara BN dan pembangkang bertegang leher untuk mencapai kemenangan, tetapi bagi "orang biasa", masanya telah tiba bagi mereka untuk membuat keputusan Isnin ini, apa yang terbaik bagi mereka dan juga negara.

--BERNAMA

ES AU RI